



PASUKAN GERAKAN UDARA
Aras 18, Menara 1,
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman,
50560 Kuala Lumpur.

Tel : 03-22663411
Fax : 03-22723023

'POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA'

Rujukan : KPN (PR) 6/12
Tarikh : 19 Nov. 2018

Pengarah Urusan
Galaxy Helicopter (M) Sdn. Bhd.
Suite 6-2B, UKAY Boulevard
Jalan Lingkaran Tengah Dua, Ulu Klang,
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan

(U/P : En. Shamsul Kamar B. Samsudin)

Tuan,

PENEMPATAN HELIKOPTER AW139 NO. PENDAFTARAN 9M-PMC DI PANGKALAN PASUKAN GERAKAN UDARA (PGU) SABAH, KOTA KINABALU.

Izinkan saya memohon perhatian tuan terhadap perkara di atas.

- Untuk makluman tuan, semasa Mesyuarat Mingguan Pengarah Jabatan KDNKA pada 8/10/2018, YDH Pemangku Pengarah JKDNKA telah mengarahkan sebuah helikopter AW139 ditempatkan di Pangkalan Sabah, Kota Kinabalu bagi meningkatkan keberkesanan operasi penerbangan PDRM di Sabah. Sepertimana tuan sedia maklum, helikopter ketiga dan keempat AW 139 dijangka diterima di Malaysia pada penghujung tahun 2018. Mengambil kira tarikh penerimaan tersebut yang tidak lama lagi, pihak kami ingin memohon jasa baik pihak tuan untuk membuat segala persiapan bagi merealisasikan penempatan sebuah helikopter di Pangkalan PGU Sabah.
- Untuk tujuan tersebut, isu-isu berikut perlu perhatian dan tindakan oleh kedua-dua pihak iaitu PGU PDRM dan Galaxy Helicopter bagi menjamin kelancaran dan kesempurnaan misi penempatan, kelak. Perancangan dan konfigurasi penempatan helikopter tersebut adalah seperti berikut:-

3.1	<u>Tarikh</u>	<u>Route</u>
	2/1/2019	Subang - Senai, Johor Baharu
	3/1/2019	Senai, Johor Baharu – Pangkal Pinang – Pontianak
	4/1/2019	Pontianak – Kuching
	5/1/2019	Kuching – Kota Kinabalu
	6/1/2019	Kota Kinabalu – KLIA (Pesawat Komersial)

3.2 Kru

- 1 x set kru Pangkalan Semenanjung
- 1 x set kru Pangkalan Sabah
- 1 x Jurutera helikopter

3.3 Konfigurasi

- 3.3.1 Hover and SAR Mode Install
- 3.3.2 FM Radio Install
- 3.3.3 Floatation gear
- 3.3.4 Hoist and equipment
- 3.3.5 Life jacket for crew
- 3.3.6 Life raft
- 3.3.7 Towing Bar
- 3.3.8 External Battery
- 3.3.9 Seat (2-4-4)
- 3.3.10 Cargo net

4. Kelengkapan-kelengkapan dan peralatan di bawah akan dihantar melalui kapal terbang King Air PGU.


- 4.1 4 x Strecher
- 4.2 4 x NVG set (Bandom, Goggles, Tool kit)
- 4.3 Underslung and equipment
- 4.4 Troop seat, Comfort seat and 2 x off-shore seat
- 4.5 6 x head set for crew
- 4.6 Abseiling and roping equipment
- 4.7 Coleman Box

Pihak kontraktor bertanggungjawab untuk menguruskan kelengkapan dan peralatan lain yang tidak tergolong dalam senarai seperti di para 3.3 dan 4. Bagi penghantaran kelengkapan dan peralatan melalui kapal terbang King Air, kontraktor juga dikehendaki

menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) orang *handling crew* sepanjang penugasan dari Subang ke Kota Kinabalu.

5. Semua kos perbelanjaan penempatan helikopter dan penghantaran kelengkapan dan peralatan melalui kapal terbang King Air hendaklah ditanggung oleh pihak kontraktor melalui kaedah *Over and Above* kontrak penyelenggaraan.

6. Dikemukakan untuk perhatian dan tindakan pihak tuan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.



(DATO' S SATHIYA SEELAN) DCP

b.p. Komander Pasukan Gerakan Udara
Polis Diraja Malaysia

s.k.

Pengarah Jabatan KDNKA;
Timbalan Pengarah (Gerakan) Jabatan KDNKA;
Timbalan Pengarah (Kepolisan Am) Jabatan KDNKA;
Komandan Pangkalan Latihan PGU;
Timbalan Komander (Operasi) PGU;
Timbalan Komander (Kejuruteraan) PGU;
Komander Pangkalan Semenanjung PGU;
Komander Pangkalan Sabah PGU;
Komander Pangkalan Sarawak PGU.